



nu, 4084

1100089314



LP 48 FPE 1 2012



1100089314

Integrasi ekonomi serantau dan pelaburan langsung asing kajian empirikal bagi Asean / Nur Hidayah Abd Salam.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)  
21030 KUALA TERENGGANU

1100089314

1100089314		

Lihat Sebelah

**HAK MILIK**  
PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

INTEGRASI EKONOMI SERANTAU DAN  
PELABURAN LANGSUNG ASING KAJIAN  
EMPIRIKAL BAGI ASEAN

NUR HIDAYAH BINTI ABD SALAM  
SARJANA MUDA EKONOMI  
( SUMBER ALAM )

PROJEK ILMIAH INI DIKEMUKAKAN BAGI  
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT  
PENGAJIAN

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

2012

## PENGAKUAN

Saya akui Kertas Projek (ECO4998/ECO4999) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber lain yang telah saya jelaskan rujukannya.

10 Jun 2012



.....  
NUR HIDAYAH BT ABD SALAM

UK 19425

## DECLARATION

I hereby declare that this project paper (ECO4998/ECO4999) is the result of my own investigation and findings, except where otherwise stated.

10 June 2012



.....  
NUR HIDAYAH BT ABD SALAM

UK 19425

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim..

Alhamdulillah, segala puji untuk Allah SWT, tuhan semesta alam. Selawat dan salam ditujukan kepada junjungan besar, Nabi Muhammad Sallallahu' Alaihi Wassalam. Setinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan izinNya yang telah memberi ruang kepada saya menyiapkan Projek Ilmiah Tahun Akhir (PITA) ini dengan jayanya.

Di sini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat terutama sekali kepada Prof. Madya Dr. Fauziah Bt Abu Hasan selaku penyelia PITA yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar dengan penuh kesabaran serta sumbangan idea walaupun beliau amat sibuk dengan tugasnya tetapi beliau masih dapat meluangkan masa untuk membantu membuat pembetulan dan memimpin saya di sepanjang kajian ini.

Akhir sekali, tidak lupa juga jutaan terima kasih ditujukan kepada para pensyarah di Jabatan Ekonomi yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan sudi memberikan kerjasama, komen, nasihat serta maklumat. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada keluarga saya yang sentiasa menyokong dan memberi semangat sepanjang pengajian saya serta kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut sama memberi sokongan dan kerjasama dan semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau pun tidak langsung.

Nur Hidayah Binti Abd Salam  
Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam)  
Email: nhidayah.salam@gmail.com

## ABSTRAK

Pelaburan langsung asing (FDI) adalah salah satu penyumbang yang penting kepada pertumbuhan sesebuah negara. Kajian ini mengkaji mengenai integrasi ekonomi serantau, FDI serta faktor-faktor penentunya untuk empat negara ASEAN iaitu Filipina, Indonesia, Malaysia dan Thailand. Antara pembolehubah yang diambil kira bagi penentu aliran masuk FDI adalah faktor Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP), jumlah import dua hala di antara setiap negara kajian serta jarak fizikal antara negara sebagai proksi kepada kos pengangkutan. Kajian ini menggunakan pendekatan perisian komputer SAS bagi mengetahui hubungan diantara setiap pembolehubah untuk keempat-empat negara kajian yang merangkumi data dari tahun 1995 sehingga 2005. Kaedah kajian adalah berdasarkan pemilihan model yang terbaik melalui nilai  $R^2$  yang tertinggi. Hasil kajian mendapati model yang dipilih adalah berbeza untuk setiap negara di mana Malaysia adalah model log manakala bagi Filipina, Indonesia dan Thailand adalah model separa log. Keputusan kajian juga menyatakan faktor-faktor penentu aliran masuk FDI juga berbeza untuk setiap negara. Aliran masuk FDI bagi Filipina dan Thailand adalah dipengaruhi oleh faktor GDP, faktor import pula lebih mempengaruhi aliran masuk FDI Indonesia dan Thailand dan faktor jarak fizikal banyak mempengaruhi FDI di Indonesia dan Malaysia. Secara kesimpulannya, integrasi ekonomi serantau adalah penting untuk negara ASEAN kerana dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi serta kestabilan ekonomi dalam negara masing-masing.

## **REGIONAL ECONOMIC INTEGRATION AND FOREIGN DIRECT INVESTMENT EMPIRICAL STUDY IN ASEAN**

### **ABSTRACT**

Foreign direct investment (FDI) is one of the important contributors to the growth of a country. This research studies on regional economic integration, FDI and determinant factors for four ASEAN countries ; Philippines, Indonesia, Malaysia and Thailand. Among the variables taken into account in determining FDI inflows are the main factors of Gross Domestic Product (GDP), total bilateral import between each studied country and the physical distance between countries as a proxy for transportation costs. This study used the SAS software to determine the relationship between each variable for the four countries that comprises data from year 1995 to 2005. The methodology is based on the selection of the best model by the highest value of  $R^2$ . Results showed that the chosen model is different for each country where Malaysia is a log model while Philippines, Indonesia and Thailand are semi-log models. The findings also stated that the factors determining FDI flows are also different for each country. FDI inflows for Philippines and Thailand are influenced by the GDP, import factors influencing FDI inflows over Indonesia and Thailand and the physical distance factors are influencing FDI in Indonesia and Malaysia. In conclusion, the regional economic integration is crucial for ASEAN because it can increase economic growth and economic stability in their respective countries.